

DEWAN ديوان بهاس BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA



Temu bual bersama-sama
Sabri Yunus
Pelawak, Pelakon, Pengacara, Pengarah



“Bahasaku Jiwaku”
Memoir Pencinta Bahasa
Awang Sariyan

Geolinguistik dan Dialek

#MalaysiaMembaca



Dewan Bahasa DBP
 dewanbahasaibp

HADIAH IKHLAS



DBP

KETUA PENGARAH

Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)

Dato' Hajah Padilah Haji Ali

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)

Haji Abd. Halim Haji Harun

PENGARAH PENERBITAN

Haji Razali Che Mat

KETUA EDITOR

Dr. Rosmani Omar

(ros_omar@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Naimah Yusof

(naimah@dbp.gov.my)

EDITOR

Ritah Yahaya

(ritah@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR

Siti Nur Hidayah Othman Bakar

(hidayah@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN

Fauziah Yusof

Zaidi Mohd Salleh

Zakiah Ahmed

Wan Mohd Safuan Wan Ahmad@Wan Hassan

Nor Fazliatul Akmar Che Rani

Mohamed Radzuan Mohamed Noor

REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN

Rosizani Yusof

DICETAK OLEH

Legasi Press Sdn. Bhd.

No.60 (Tingkat Bawah), Jalan Metro Perdana

Timur 2, Kepong Entrepreneur Park,

52100 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-6272 2022

No. Faks: 03-6272 6601

URUSAN LANGGANAN

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,

Lot 1037, Jalan AU3/1,

54200 Ampang/Hulu Kelang.

No. Telefon: 03-4101 0633


No. Faks: 03-4101 2019

E-mel: pp@dbp.gov.my

http://www.facebook.com/DBPNiaga

https://dbpniaga.my

Dewan Bahasa diterbitkan setiap bulan sejak tahun 2001. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat Dewan Bahasa. Segala sumbangan yang diterima tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan karya yang dikemukakan.



Dewan Bahasa Jilid 20 2020/1442H • KK499-91320-1220 • ISSN 1511-9092

KANDUNGAN

DISEMBER 2020

- 1 **PUISI BAHASA**
Pesan Bahasa
– Ehsan Jamily
- 3 **BICARA BAHASA**
Hidup Kayu Berbuah,
Hidup Manusia Biar Berjasa
– Ritah Yahaya
- 4 **AGENDA BAHASA**
Geolinguistik dan Dialek
"Marah"
– Junaini Kasdan
- 10 **"BAHASAKU JIWAKU" MEMOIR
PENCINTA BAHASA**
Menyemai Bibit di Bumi yang Subur
(Bahagian Ketiga)
– Awang Sariyan
- 16 **BAHASA DAN PENULISAN**
Pendekatan Tunjang dalam Penulisan
(Siri 12) Perenggan Isi (Formula
GG–GG dalam Ayat Ayat Huraian)
– Mohd Salleh Haji Hassan
- 20 **WACANA JAWI**
Padanan Konsonan "d"
– Munsyi Jawi
- 23 **GELI BAHASA**
- 24 **BAHASA DAN AGAMA**
Bahaya Bahasa Kebencian Agama
dan Kaum
– Munif Zarirruddin Fikri Nordin
- 27 **E-MEL PEMBACA**
- 28 **CERPEN**
Seorang Penulis yang Mencari
Pembantu Peribadi
– Mohd Helmi Ahmad
- 32 **MESTIKA KATA**
- 34 **TEMU BUAL BAHASA**
"Pada Akhirnya, Kata-kata Itu
Dikawal atas Kesedaran
Kita Sendiri."
– Sabri Yunus
– Ritah Yahaya dan Siti Nur Hidayah
Othman Bakar
- 38 **BAHASA DAN FALSAFAH**
Peradaban Bahasa
– Mohd Tarmizi Hasrah
- 42 **BAHASA DAN PENTERJEMAHAN**
Lain Padang, Lain Belalang
– Wan Halizawati Wan Mahmood
- 47 **CORAT-CORET BAHASA**
– Siti Nur Hidayah Othman Bakar
- 48 **ETIMOLOGI**
Titik Mula Asal Usul Perkataan
– S. Nathesan
- 53 **ISTILAH SEMASA**
- 54 **BAHASA DAN BUDAYA**
Besar
– Siti Suhana Mohd Amir
- 58 **BAHASA DAN
PERKEMBANGAN**
Kesejagatan Bahasa Melayu dalam
Perhubungan Antarabangsa
– Mohamad Suhaizi Suhalmi
- 62 **BAHASA DAN PERISTIWA**
Mempromosikan Bahasa Melayu
di China
– Nortaufig Hashim
- 64 **PETIKAN BAHASA**

38



© Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 2020

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disarkan dalam apa-apa juga cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kesejagatan Bahasa Melayu dalam Perhubungan Antarabangsa

Perhubungan antarabangsa boleh ditakrifkan sebagai satu kajian yang melihat jalinan hubungan antara dua buah negara atau lebih bagi tujuan memelihara kepentingan dan kedaulatan masing-masing. Tindakan tersebut dilihat begitu penting untuk dilaksanakan berikutan keselamatan sesebuah negara bukan sahaja melibatkan wilayah sempadan, malah jutaan nyawa dalam sesebuah negara itu. Oleh hal yang demikian, pelbagai dasar telah dirangka oleh sesebuah negara terhadap negara lain sekiranya terdapat jalinan hubungan yang ingin dijalankan bersama-sama. Dasar-dasar yang dirangka dan dilaksanakan oleh sebuah negara akan menjadi pegangan dalam sebarang keputusan yang bakal dimuktamadkan.

Bermula sekitar tahun 682 Masihi, bahasa Melayu kuno telah dijadikan bahasa utama dalam kerajaan Srivijaya oleh masyarakat setempat. Kerajaan Srivijaya memiliki jajahan takluk yang luas di Nusantara dengan daerah kekuasaan yang meliputi Kemboja, negara Thai, Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, dan Kalimantan.

Srivijaya juga merupakan sebuah kerajaan maritim yang kuat dan berpusat di Palembang, Sumatera. Hal tersebut dapat dibuktikan apabila kerajaan

Srivijaya–Palembang telah menakluki Kataha (Kedah Tua) pada tahun 671 Masihi dan Molyu (Jambi) serta Jaiya pada tahun 775 Masihi. Justeru, hingga akhir abad ke-8, Srivijaya mempunyai kuasa penuh terhadap jalan perdagangan antarabangsa pada zaman itu di Selat Melaka.

Dapat dilihat juga bahawa inskripsi Kota Kapur (686 Masihi), Karangberahi (abad ke-7 Masihi) dan Telaga Batu (abad ke-7 Masihi) mengandungi kesan dan akibat daripada konsep atau dasar kesetiaan kepada pemerintah. Bagi semua golongan yang diperintah, tanpa mengira kelas, sekiranya mereka menderhaka, maka akibatnya mereka akan menerima balasan yang buruk, manakala bagi mereka yang setia, balasannya adalah *tantra-mala*, iaitu kesejahteraan dan bebas daripada seksa selepas mati.

Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan bahasa Melayu telah berkembang semasa menjalankan aktiviti perdagangan serta penaklukan, dan secara tidak langsung berlaku dasar-dasar dalam perhubungan antarabangsa di antara kerajaan-kerajaan yang terlibat.

Perkembangan bahasa Melayu menampakkan keperkaitan yang mampan dalam disiplin perhubungan antarabangsa sekitar abad ke-13, iaitu pada zaman

Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka. Ketika itu, bahasa Melayu berfungsi sebagai *lingua franca*, iaitu bahasa perhubungan antara penduduk tempatan dengan para pedagang asing bagi urusan perdagangan dan sebagainya.

Hal tersebut menunjukkan bahawa setiap pedagang dari pelbagai pelosok dunia yang berhajat untuk singgah di pelabuhan Melaka atau menjalinkan perhubungan antarabangsa harus bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, dasar mengenai pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan pedagang juga digunakan dalam hubungan diplomatik antara Melaka dengan negara-negara asing seperti negara China. Keperluan mengetahui dan memahami bahasa-bahasa asing seperti bahasa Melayu telah berlaku pada zaman Dinasti Ming apabila jawatankuasa jurubahasa yang dikenali sebagai *Da Tong Shi* telah ditubuhkan untuk memenuhi kepentingan bagi menjalinkan hubungan dengan negara luar.

Zaman pascamerdeka memperlihatkan Malaysia sebagai negara yang giat menjalinkan perhubungan antarabangsa dan memiliki dasar pelaksanaan tersendiri berikutan ciri-ciri unik yang dimilikinya. Dasar luar Malaysia dibentuk berdasarkan tiga faktor utama, iaitu lokasi yang strategik di Asia Tenggara, sistem perdagangan dan demografi penduduk yang pelbagai.

Prinsip asas dasar luar Malaysia masih kekal sejak kemerdekaan walaupun pendekatan kepada pelaksanaan dasar luar berubah bergantung pada faktor domestik dan faktor luaran semasa. Tambahan pula, penggubalan yang dilakukan melihat kepada pelaksanaan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.

Sistem ejaan bahasa Melayu menjadi perdebatan di antara Malaysia dan Indonesia hingga telah memberikan kesan yang besar hingga kini. Melalui Kongres Ketiga Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya (KPBMM3) di Singapura dan Johor Bahru pada 16 hingga 21 September 1956, beberapa orang ahli bahasa Indonesia telah diundang untuk menyertai kongres itu.

Secara umum, hasil kongres mendapati definisi bagi "bahasa Melayu" dan "bahasa Indonesia" telah menunjukkan kelainan, terutamanya dari segi ejaan. Melihat kepada kelainan tersebut, maka kerjasama kebahasaan antara Malaya dengan Indonesia terjalin melalui kaedah menyekatakan ejaan.

Setelah berunding dan bermesyuarat selama kira-kira dua tahun, pada 7 Disember 1959, kedua-dua jawatankuasa ejaan Malaya dan Indonesia telah menghasilkan satu



Bahasa Melayu menjadi lingua franca di Melaka.

sistem ejaan baharu yang dinamakan Ejaan Malindo (akronim bagi kata Melayu-Indonesia). Kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk menggunakan ejaan Melinda pada 1 Januari 1964. Sementara itu, Singapura yang menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pada 6 Jun 1959 telah mengadakan pelbagai kempen mempelajari bahasa tersebut.

Kempen-kempen tersebut telah dianjurkan oleh pemerintah, badan-badan berkanun dan pertubuhan-pertubuhan sosial daripada pelbagai kaum. Oleh hal yang demikian, perhubungan antarabangsa antara Malaysia, Indonesia dan Singapura telah terjalin atas dasar kebahasaan yang telah disepakati bersama-sama. Namun begitu, disiplin dalam perhubungan antarabangsa turut mengetengahkan dasar bahawa sesebuah negara boleh bertindak mengikut acuan sendiri yang dikenali sebagai konsep kedaulatan.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Singapura, Sabah, dan Sarawak menubuhkan Malaysia pada 16 September 1963, Indonesia telah melancarkan sebuah agenda yang dikenali sebagai Konfrontasi Indonesia-Malaysia. Kesan daripada peristiwa tersebut, perjanjian persahabatan PTM dan Indonesia terganggu sekali gus perjanjian persetujuan menggunakan Ejaan Malindo turut terbatal.

Apabila konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dimansuhkan pada tahun 1966, Komando Operasi Tertinggi (KOTI) Indonesia telah hadir ke Kuala Lumpur bagi membaharui perhubungan mereka dan mengatur semula kerjasama kebahasaan kedua buah negara itu dengan menubuhkan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM). Singapura yang telah keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965, secara tidak langsung tidak terlibat dengan penubuhan MBIM.

MBIM telah berjaya menyelaraskan ejaan baharu bagi Indonesia dan Malaysia, dan kedua-dua buah negara itu

BAHASA DAN PERKEMBANGAN

secara rasmi menggunakan ejaan MBIM itu pada tahun 1972. Walaupun Singapura sudah memiliki kemerdekaan tersendiri, penggunaan ejaan sistem MBIM turut diikuti bermula tahun 1977.

Selesai pembakuan ejaan, MBIM menuju usaha untuk membakukan istilah dan langkah seterusnya pula ialah membakukan sebutan, iaitu bertutur dengan sebutan seperti sesebuah perkataan itu dieja. Bagi Indonesia, masalah menggunakan sebutan baku tidak timbul berikutan sebutan rakyatnya memang sudah sedemikian semenjak bahasa Melayu diisytiharkan menjadi bahasa Indonesia pada tahun 1928.

Malaysia giat melaksanakan rancangan bertutur dengan sebutan baku menerusi pengajian di sekolah-sekolah, namun begitu usaha tersebut kini dilihat kurang menampakkan hasil seperti yang direncanakan. Pada tahun 1984, negara Brunei Darussalam telah menganggotai MBIM setelah menjadi pemerhati selama dua setengah tahun.

Kemasukan negara Brunei Darussalam telah menyebabkan nama MBIM diubah menjadi MABBIM, iaitu Majlis Bahasa Brunei–Indonesia–Malaysia. Di sini, dapat dilihat bahawa bahasa Melayu telah menjadi teras kepada disiplin perhubungan antarabangsa seperti yang dibina dengan negara Brunei Darussalam dan negara lain.

Hingga kini, pelbagai usaha giat dijalankan bagi memastikan bahasa Melayu berkembang bukan sahaja di dalam negara, malah pada peringkat antarabangsa. Melalui keistimewaan bahasa Melayu yang merupakan satu daripada bahasa ilmu di dunia, pelbagai kerjasama antara institusi pengajian di Malaysia dengan negara lain, kian diperhebat.

Kesejagatan bahasa Melayu yang bersifat antarabangsa telah memperkukuh hubungan, dan hal tersebut bakal membentuk dasar-dasar kerjasama antara kedua-dua buah negara yang terlibat. Sebagai contohnya, di negara Rusia, pengajaran Bahasa Melayu yang merupakan subjek teras bagi para penuntutnya terdapat di Institut Sains Kemanusiaan, Institut Pelajaran Timur Amali, dan Institut Ketimuran.

Universiti Negara Moscow, Universiti Amur dan Universiti Timur Jauh turut memperkenalkan subjek Bahasa Melayu dan

Pengajian Melayu dalam usaha memperhebat pengajian Bahasa Melayu seantero dunia. Tambahan pula, hubungan dua hala antara Malaysia dengan Rusia kekal



mantap apabila Rusia terus kekal membeli minyak sawit dari Malaysia walaupun berlaku pemboikotan dari Kesatuan Eropah (EU) dan krisis penembakan pesawat MH17 di Donetsk Oblast, Ukraine, kira-kira 40 kilometer dari sempadan Rusia.

Negara China juga turut mengiktiraf Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu apabila Kursi Pengajian Melayu, Malaysia–China telah ditubuhkan dari tahun 2008 hingga 2011 di Universiti Pengajian Asing Beijing. Kursi tersebut disandang oleh Awang Sariyan, tokoh bahasa Melayu terkemuka di Malaysia. Hingga kini, program bahasa Melayu tersebut berjaya melahirkan banyak pegawai diplomat, jurubahasa dan penyiar yang menguasai bahasa Melayu.

Bahasa Melayu telah berkembang di tiga buah universiti yang mempunyai Program Bahasa Melayu, iaitu Universiti Peking, Universiti Komunikasi dan Universiti Bangsa-Bangsa Guan Xi. Selain itu, terdapat banyak lagi Kursi Pengajian Melayu yang ditubuhkan di pelbagai universiti terpilih di serata dunia seperti di Universiti Leiden, Belanda; Universiti Ohio, Amerika Syarikat; Universiti Victoria, New Zealand, dan Universiti Pengajian Asing Hankuk, Korea Selatan.

Penubuhan Kursi-kursi tersebut membantu dalam mengembangkan bahasa Melayu di seluruh dunia sekali gus memperkukuh hubungan dua hala di antara negara-negara yang terlibat. Melalui Dasar Bahasa Kebangsaan, kelangsungan bahasa Melayu di Malaysia diperkasakan seperti yang termaktub dalam undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 152 memperincikan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara, malah tidak boleh dipertikai fungsinya dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan. Selain itu, Akta Pendidikan 1996 pula memerihalkan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Lebih menarik lagi, sebuah entiti atau badan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi amanah secara khusus dalam membina, memperkaya dan memperkasa bahasa Melayu berdasarkan Akta A930 Dewan Bahasa dan Pustaka 1978. Oleh itu, jelas di sini akan kepentingan dasar sesebuah negara dalam memacu hala tuju pentadbiran agar berlangsung dengan cekap, tersusun dan berkesan.

Sebagai rakyat Malaysia, usaha untuk mengangkat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa bukan terletak pada penutur aslinya sahaja, malah kepada setiap warga pemegang kad pengenalan sah negara. Pelbagai dasar telah digubal dan dirangka, tinggal hanya kita sebagai pelaksana. Bukan sahaja bahasa Melayu dapat disejagatkan, malah dihormati dan dipelihara hingga ke hujung masa. **DB**